

DATE: 3/9/2010

## Hassan Skodeng, Namewee dan orang kafir

UM-3/09/2010

RAMAI penulis blog tidak berpuas hati apabila Tenaga Nasional Berhad (TNB) membuat dakwaan ke atas penulis, Hassan Skodeng di mahkamah berhubung satu komen di dalam sebuah blog yang dianggap menghina agensi itu, sebaliknya mereka tidak bertindak ke atas Namewee yang menghasilkan video klip yang merendah-rendahkan TNB.

Manakala isu pemimpin politik bukan Islam yang masuk ke masjid dan surau untuk memberikan tazkirah masih mendapat maklum balas beberapa penulis.

Syed Azidi Aziz dalam *Kickdefella* ([kickdefella.wordpress.com](http://kickdefella.wordpress.com)) lantang mempersoalkan tiada tindakan terhadap Namewee atau nama sebenarnya Wee Meng Chee yang menghina TNB menerusi satu video klip yang dihasilkan sedangkan Hassan Skodeng menerima nasib berbeza.

"Sebab nama dia Hassan, kalau nama dia Ah San, mungkin dia akan bernasib baik seperti Namewee. Yang boleh buat apa sahaja tetapi pihak berkuasa setakat panggil dia untuk ambil keterangan sahaja. Mengapa saya dan Bakaq Haq (Penaik Beca) dulu tak diundang untuk ambil kenyataan juga? Kenapa mesti kami disumbat di dalam lokap?"

"Saya digari dan dibawa dua kali ke mahkamah di bulan Ramadan untuk mendapatkan perintah reman dan perintah lanjutan reman. Akhirnya, satu kenyataan saya pun tak diambil setelah bermalam-malam di dalam lokap. Apakah bezanya Namewee dan kami?" kata Syed Azidi.

Beliau berkata, Tian Chua yang menghasilkan gambar "super impose" Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan model Mongolia yang mati dibunuh dengan tujuan menimbulkan fitnah dan berniat jahat juga tidak didakwa sebaliknya beliau sahaja yang dipanggil untuk memberi keterangan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Isu Hassan Skodeng itu turut mendapat perhatian beberapa penulis blog lain, antaranya **Big Dog** ([bigdogdotcom.wordpress.com](http://bigdogdotcom.wordpress.com)), **Another Brick in the Wall** ([anotherbrickinthewall.blogspot.com](http://anotherbrickinthewall.blogspot.com)), **Syed Akhbar Ali** ([syedsoutsidethebox.blogspot.com](http://syedsoutsidethebox.blogspot.com)), **Shamsul Yunus** ([marahku.blogspot.com](http://marahku.blogspot.com)) dan **Ahirudin Attan** ([rockybru.com.my](http://rockybru.com.my)).

Penulis blog **Maharaja Blogger** ([maharajablogger.blogspot.com](http://maharajablogger.blogspot.com)) pula secara sinis berkata, seluruh rakyat Malaysia harus berterima kasih kepada Namewee kerana membangkitkan perasaan patriotisme dan nasionalisme bersempena sambutan kemerdekaan negara ke-53 melalui ucapan lucu, rasis dan bersifat cacian serta penghinaan terhadap bangsa dan agama.

Malangnya, kata penulis, ada media tempatan (berbahasa Inggeris) yang meletakkan Namewee sebagai jaguh masyarakat kerana berani menyerbu cawangan TNB Muar akibat kelewatan agensi itu memperbaiki kerosakan bekalan elektrik di rumahnya.

Kata beliau, antara kata-kata Namewee yang dianggap menghina TNB ialah "TNB makan duit, tidur, malas. Tidur saja. TNB balik tidur semua. TNB makan tahu."

Sementara itu, **Dr. Ismail Ibrahim** ([profismail.blogspot.com](http://profismail.blogspot.com)) berkata, kehadiran Ahli Parlimen Serdang ke dalam ruang solat surau sepatutnya dapat dielakkan dengan mengadakan majlis berkenaan di luar surau dan pada masa yang sama ia juga tidak harus dipolitikkan sehingga menjadi isu hitam-putih.

"Saya rasa sekiranya kita berpandukan kepada budaya dan etika masyarakat negara kita yang berbilang kaum dan telah mengharungi kehidupan aman damai begitu lama, maka sepatutnya semua rakyat haruslah memberikan perhatian yang berat kepada mempertahankan etika, budaya dan moral kita masing-masing," katanya.

Katanya, sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk, kita tidak hanya bertindak melakukan perkara berdasarkan undang-undang semata-mata sebaliknya juga berpegang kepada budaya dan etika yang tidak tertulis.

"Yang amat menyedihkan, umat Islam di Malaysia seolah-olah telah dipecahkan kepada dua golongan mengikut anutan ideologi politik kepartian mereka dan di antara dua kumpulan itu, tidak terdapat ruang untuk orang-orang yang berkecuali, yang tidak taksu parti, ilmuan, dan sebagainya.

"Mereka seolah-olah menjadi orang yang tersisih kerana tidak taksu kepada parti politik, akhirnya orang yang sepatutnya menjadi orang tengah ini tidak mahu melibatkan diri dalam perdebatan isu-isu agama itu, takut dianggap sebagai orang antiagama, kafir, Kristian dan sebagainya," katanya.

Zainol Abideen dalam *Mahaguru* ([mahaguru58.blogspot.com](http://mahaguru58.blogspot.com)) pula berkata, kehadiran pemimpin-pemimpin politik bukan Melayu ke masjid dan surau dengan berbaju kurung dan bertudung umpama pelakon-pelakon drama politik tanah air.

Katanya, beliau amat bersyukur sekiranya para pemimpin wanita bukan Islam ini benar-benar mahu menjadi muslimah penyembah Allah dalam erti kata yang sebenar-benarnya, tetapi nyata ia semua sekadar mainan politik dan mengikut masa dan keadaan tertentu sahaja demi kepentingan politik mereka.

"Kita nak persalahkan siapa dalam polemik ini? Mereka yang harus dipertanggungjawabkan adalah tidak larus dan tidak bukan hanya ahli-ahli jawatankuasa surau berkenaan.